

Kertas Bil. 23/2016



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 28 MAC – 1 APRIL DAN 4 APRIL 2016**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN
SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER
RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR (JPK-SAS))
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG “KUALITI: KAWALAN
PENCEGAHAN PENCEMARAN DI LEMBANGAN LANGAT DAN
KAEDAH MITIGASI PENCEMARAN DI NEGERI SELANGOR”**

KERTAS BILANGAN 6/2016

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR) (JPK-SAS)
BERHUBUNG “KUALITI : KAWALAN PENCEGAHAN PENCEMARAN DI LEMBANGAN SUNGAI LANGAT” YANG
TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENG GAL KEEMPAT,
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
6	Penyata Oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (Special Select Committee On Water Resource Management of the State of Selangor) (JPK-SAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung “Kualiti: Kawalan Pencegahan Pencemaran Di Lembangan Langat Dan Kaedah Mitigasi Pencemaran Di Negeri Selangor”	<p>7.1. Kerajaan Negeri Selangor hendaklah merujuk semula kepada Penyata-Penyata JPK-SAS yang lepas yang tersenarai di perenggan 5.1.3 dan mengambil tindakan-tindakan yang proaktif.</p> <p>7.2. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan kesemua agensi pengurusan air di Negeri Selangor yang terlibat dalam pengawalan pencemaran air jelas mengenai rantaian komunikasi antara mereka.</p> <p>7.3. Antara lembangan-lembangan sungai di Selangor, JPK-SAS berpendapat bahawa Lembangan Sungai Langat akan menghadapi cabaran yang paling besar pada musim kering ini untuk membeikalkan keperluan air mentah yang mencukupi. Sepertimana surat bertarikh 24hb Februari 2016 yang telah dikemukakan kepada Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor dan Y.B Tuan Zaidy bin Abdul Taib, Pengurus Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tanah, saranan JPK-SAS untuk tindakan serta-merta adalah seperti berikut:</p> <p>7.3.1. Mengemukakan surat arahan kepada UPEN dan LUAS untuk mengkaji dan mempertimbangkan kemungkinan kesesuaian air sebanyak 100JLH atau kadar aliran yang bersesuaian disalurkan daripada Empangan Langat secara berterusan (24 jam sehari) tanpa henti sepanjang musim kering. Cadangan ini dibuat sebagai langkah pencegahan peningkatan kadar kandungan pencemaran Ammonia akibat kekurangan air di sungai. Jika air daripada empangan hanya disalurkan selepas</p>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<p>Melalui surat bertarikh 15 Mac 2016, Pentadbiran ini telah memaklumkan kepada Pengurus JPK-SAS perkara berikut:-</p> <p>1) Pada ketika ini pelepasan 100JLH air secara berterusan dari Empangan Langat akan mengurangkan jumlah Simpanan Aktif (Active Storage) empangan tersebut dan sekiranya tidak dibendung, ia tidak akan dapat dipulihkan secukupnya sehingga hujung tahun ini. Memandangkan paras “active storage” yang kurang baik pada tahun ini (setakat 11 Mac 2016 pada 70.38%), Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan langkah mitigasi yang proaktif lebih awal dengan menyalurkan 69JLH air mentah dari Empangan Semenyih</p>

1



Dr. MOHD FIRDAUS WONG
 Ahli Majlis Mesyuarat Keseluruhan Negeri (EXCO)
 Selangor Darul Ehsan
 Tingkat 2, Bangunan S.S.A.S
 40000 Shah Alam

EXCO
 Ahli Majlis Mesyuarat Keseluruhan Negeri (EXCO)
 Selangor Darul Ehsan
 Tingkat 2, Bangunan S.S.A.S
 40000 Shah Alam

LAMPIRAN II

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL
SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR) (JKP-SAS)
BERHUBUNG "KUALITI : KAWALAN PENCEGAHAN PENCEMARAN DI LEMBANGAN SUNGAI LANGAT" YANG
TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT,
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
		<p>pencemaran berlaku, maka ia akan mengambil masa 14 jam untuk sampai ke muka-sauk LRA. Sekiranya cadangan ini dilaksanakan, kapasiti Empangan Langat adalah mencukupi sehingga 300 hari tanpa hujan. Pendekatan ini adalah jauh lebih baik berbanding tindakan reaktif sedia ada di mana air hanya disalurkan apabila pencemaran telah berlaku.</p> <p>7.3.2. Mengemukakan surat arahan kepada LRA di Lembangan Sungai Langat supaya melaporkan bacaan muka sauak LRA kepada LUAS setiap dua (2) jam sekali beritujuhan untuk memantau kualiti air;</p> <p>7.3.3. Memastikan bekalan air dari terowong Projek Langat 2 boleh digunakan apabila diperlukan. Kerajaan Negeri Selangor perlu memastikan tindakan-tindakan bersesuaian diambil supaya Kerajaan Negeri Pahang boleh mengatasi kerumitan di Sungai Semantan (Pahang) untuk memastikan bekalan air mentah di Sungai Langat (Selangor) tidak terjejas.</p>			<p>dan 300JLH air mentah dari Sg Semantan. Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya peryaluran air mentah dari Sg. Semantan, Pahang ke Sg. Langat, Selangor dilaksanakan mulai Ogos 2015.</p> <p>2) Mengenai isu Loji Mempatih pula, satu pam ponton akan dipasang bagi membekalkan air ke Loji Mempatih. Ini akan membolehkan loji tersebut beroperasi dengan paras air yang lebih rendah dan tidak mengganggu pengepaman ke Sg Langat. Dalam usaha untuk memastikan bekalan air dari Pahang berterusan, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 33/2015 yang bersidang pada 21 Oktober 2015 dan telah disahkan oleh MMKN ke 34/2015 pada 28 Oktober 2015 telah bersetuju menanggung kos operasi pengepaman air Sungai Semantan ke Sungai Langat kepada Badan Kawal Selia Air (BKSA) Pahang bagi memastikan aliran air ke Sungai Langat konsisten tanpa gangguan. Pembayaran kos operasi pengepaman tersebut akan dibuat</p>

2



Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan
Tongkat 2, Bangunan S.S.A.A S
40000 Shah Alam

LAMPIRAN II

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL
SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR) (JPK-SAS)
BERHUBUNG “KUALITI : KAWALAN PENCEGAHAN PENCEMARAN DI LEMBANGAN SUNGAI LANGAT” YANG
TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENG GAL KEEMPAT,
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada)/Tindakan
					<p>berdasarkan kepada invoice yang dikemukakan oleh BKSA. Selain dari itu, di dalam mesyuarat yang telah diadakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) pada 02 Mac 2016, telah dipersetujui supaya pengepaman air mentah ini dibuat berterusan 24 jam mulai dari 03 Mac 2016.</p> <p>3) mengenai pelaporan bacaan muka sauk setiap dua (2) jam kepada LUAS, prosedur normal yang diamalkan pada ketika ini adalah menganalisis sampel air mentah yang diambil di muka sauk Loji Rawatan Air setiap jam. Laporan bulanan pula dihantar kepada LUAS setiap bulan. Operator loji sentiasa memberikan kerjasama erat dengan LUAS. Data-data dan penemuan punca pencemaran di bawa ke penggetahuan LUAS dan Pentadbiran ini. Apabila berlaku insiden pencemaran, laporan kualiti akan dikemukakan kepada LUAS setiap jam. Pentadbiran ini berpandangan, sistem yang sedang diguna pakai dan dipraktikkan ini berkesan dan efisien, oleh itu tiada sebarang perubahan diperlukan.</p>

3


ELIZABETH WONG
Atli Matilis / Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Jelangor Darul Ehsan
Tingkat 2, Bangunan S.S.A.S
40000 Shah Alam